



Kerahsiaan di INTERNET

Oleh MASLIN MASROM dan NADIA JAMAL

PENGGUNAAN laman web sosial, seperti Facebook, Twitter, Bebo dan MySpace, kini begitu meluas dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Boleh dikatakan hampir semua orang memiliki sekurang-kurangnya satu akaun laman web sosial. Laman web sosial membenarkan pengguna untuk saling berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain menerusi pelbagai aplikasi yang disediakan, sama ada e-mel, perbualan video atau suara dalam talian dan perkongsian fail. Pengguna bebas memasukkan apa-apa sahaja maklumat ke dalam laman sosial mereka, termasuk maklumat peribadi tanpa menyedari akan risiko yang boleh menimpa seperti pencerobohan kerahsiaan.

Masalah kerahsiaan semakin membimbangkan dalam kalangan pengguna internet. Kerahsiaan yang kini lebih dikenali sebagai "privasi" boleh didefinisikan sebagai kepentingan seseorang individu yang mempunyai hak untuk melindungi maklumat peribadi, harta peribadi atau ruang peribadi. Pengguna internet mula berasa gusar untuk memaparkan maklumat peribadi mereka kerana maklumat tersebut boleh digunakan untuk pelbagai tujuan negatif seperti penggodaman akaun bank atau kad kredit, fitnah, masalah intipan dan e-mel sampah (*spam*).

Dalam konteks kerahsiaan, kerahsiaan maklumat merujuk tuntutan individu, kumpulan atau institusi untuk menentukan sendiri bila, bagaimana dan sejauh manakah maklumat mengenai mereka disampaikan kepada orang lain. Internet merupakan jaringan elektronik yang membenarkan pertukaran maklumat menerusi suatu alat komunikasi ke alat komunikasi yang lain. Apabila melawat sesebuah laman web, sesetengah maklumat akan diperolehi secara mudah dan automatik. Antara maklumat yang tersedia termasuklah:

- Pembekal internet.
- Lokasi pembekal internet.
- Dari laman web manakah seseorang pengguna datang.
- Jenis perisian yang digunakan.

Terdapat beberapa aktiviti internet yang boleh memberikan ancaman kerahsiaan dan mendedahkan maklumat peribadi pengguna. Sesetengah laman web yang wujud memerlukan pengguna untuk mendaftar terlebih dahulu sebelum menggunakan perkhidmatan mereka. Mereka akan meminta pengguna menyediakan nama dan alamat e-mel, alamat rumah, nombor telefon, aras gaji, minat, dan lain-lain. Maklumat sebegini

merupakan maklumat penting bagi menjalankan sesuatu perniagaan. Aktiviti internet juga mampu merekodkan maklumat mengenai apa-apa yang dilakukan oleh pengguna di laman web tersebut.

Selain itu, apabila pengguna membalas e-mel, hal ini bermakna pengguna menyerahkan maklumatnya secara tanpa disedari kepada penerima e-mel tersebut. Kebanyakan pengguna internet menggunakan enjin carian internet (*internet search engines*) untuk mencari maklumat.

Enjin carian ini mempunyai kebolehan untuk merekodkan setiap jejak yang ditinggalkan oleh pencari maklumat. Mereka mampu menyimpan rekod yang berkaitan dengan alamat protokol internet atau IP (*internet protocol*) kata kunci carian yang digunakan dan waktu carian. Sebagai contoh, *cookies* ialah maklumat ringkas yang disimpan di dalam cakera keras apabila pengguna melawat sesebuah laman web seperti pengenalan pendaftaran, maklumat daftar masuk, pilihan pengguna, dan sebagainya, yang dihantar oleh pelayan web kepada laman pelayar anda.

Beberapa teori dikemukakan bagi mengawal gejala pencerobohan kerahsiaan ini. Antara teori tersebut termasuklah:

- Teori Kawalan dan Akses Terhad Kerahsiaan.
- Teori Kawalan dan Akses Terhad Moor.
- Teori Peraturan Kerahsiaan.
- Teori Pelindungan Motivasi.

Makalah ini memfokuskan Teori Perlindungan Motivasi. Teori Perlindungan Motivasi diperkenalkan oleh Dr. R.W. Rogers dari Australia pada tahun 1975, bagi membantu mengurangkan rasa keresahan dan ketakutan. Teori ini membincangkan cara melindungi diri daripada empat situasi utama, iaitu:

- Keterukan atau kedahsyatan akibat peristiwa yang mengancam diri.
- Kebarangkalian berlakunya kerapuhan diri.
- Keberkesanan pencegahan yang disyorkan.
- Efikasi sendiri (*self-efficacy*).

Pencerobohan kerahsiaan membolehkan pengguna mengalami tekanan. Oleh itu, Teori Motivasi Perlindungan ini teretus daripada penilaian ancaman dan penilaian cara menghadapinya. Teori ini berasaskan hasil kajian Richard Lazarus yang memfokuskan penyelidikan lakuan manusia dan cara menghadapi situasi yang tertekan. Dalam bukunya *Stress Appraisal*



Barbalk pada isu penggunaan internet, sebarang aktiviti yang dilakukan dan segala maklumat yang ditinggalkan di dalam laman web sosial akan kekal di internet selama-lamanya. Ketika internet menjadi sumber yang penting untuk hiburan, kewangan dan pendidikan, pengguna internet turut mempunyai

(Ketерukan + Kelelahan) – Imbunan Ancaman =

Sebagai contoh, individu boleh percaya bahawa terlibat dalam aktiviti dalam talian adalah amat berbahaya, penggunaan internet yang kerap akan meningkatkan kecenderungan mereka kepada bahaya dalam talian, dan melibatkan diri dalam lakuan perlindungan, seperti memuat turun perisian antivirus dan, membersihkan cookies dari komputer akan melindungi mereka daripada bahaya dalam talian, dan melibatkan diri dalam lakuan perlindungan, seperti memuat turun perisian antivirus dan, membersihkan cookies dari komputer akan melindungi mereka daripada bahaya dalam talian.

Untuk mengata jumlah ancaman yang dihadapi, jumlah bermula atau menamatkan lakuan yang tidak sihat. ialah imbunan yang merujuk aspek positif setelah kemudatan. Aspek lain dalam penilaian ancaman pula ialah kebarangkalian seseorang untuk mengalami terfada daripada lakuan yang tidak sihat. Kelelahan tertentu, ketерukan merujuk kepada kecederaan yang seseorang untuk menyelesaikan kebolehan menurun jenis lakuan yang menghalang kebajikan fokus ke atas ancaman dan faktor yang meningkat atau dan kemahiran sesuatu situasi. Hal ini memberikan Proses penilaian ancaman terdiri daripada ketерukan disahkan dengan masalah berkaitan dengan kesihatan. berdepan dengannya apabila didiagnosis atau bagi membincangkan isu kesihatan dan cara manusia ketakukan. Kini, Teori Perlindungan Motivasi digunakan menjadi orang yang pertama membincangkan perihal Berdasarkan kajian Richard Lazarus, Dr. Rogers berkaitan dengan cara mengatasi masalah tekanan. proses penilaian kognitif dan cara bagaimana hal ini and Coping, Richard Lazarus membincangkan idea

lebih banyak kebarangkalian untuk berdepan dengan pencorobohan kerahsiaan dalam talian dan jenayah siber yang membawa pertimbangan kepada orang awam mengenai keselamatan mereka dalam talian. Golongan remaja bukan sahaja pengguna internet yang aktif, malah mereka juga antara pengguna yang mudah terdedah kepada bahaya. Oleh hal yang demikian, anda perlu berfikir dan merancang terlebih dahulu apa-apa yang perlu dimasukkan ke dalam laman web sosial.

Ketika internet menjadi semakin meluas dalam kehidupan sosial, internet haruslah digunakan secara selamat supaya dapat menjadi sebahagian daripada pendidikan formal. Dalam konteks mujarab sendiri merupakan konsep dalam Teori Perlindungan Motivasi, yang mengenal pasti sama ada seseorang individu akan terlibat dalam lakuan perlindungan dalam situasi mendesak atau sebaliknya. Golongan remaja dengan persepsi risiko yang lebih tinggi, biasanya dianggap akan lebih bermotivasi untuk melindungi diri daripada ancaman bahaya keselamatan dalam talian.

Sebuah manakah tahap kerahsiaan maklumat pengguna terjamin?

